

BAB TIGA

BAB TIGA : PERADABAN MELAYU

3.1 Pengenalan : Konsep Tamadun Melayu

Peradaban Melayu menyimpan sejarah pembinaan yang panjang dan melalui proses perkembangan yang tersendiri. Kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaan Malaysia telah tumbuh dan wujud bersama-sama dengan bangsa Melayu sejak 1500 tahun dahulu. Kebudayaan ini juga pernah mengecapi puncak ketinggiannya pada zaman pemerintahan kerajaan Melayu Melaka.

Sebagai sebuah kebudayaan yang bersifat dinamik, kebudayaan Melayu menerima pengaruh daripada pelbagai kebudayaan-kebudayaan lain yang datang ke rantau ini seperti budaya Hindu, Arab, Tionghua dan Barat. Bagaimanapun, unsur-unsur pengaruh tersebut tidak merosakkan dasar atau perkembangan kebudayaan Melayu secara keseluruhannya. Proses perkembangan kebudayaan Melayu bergerak seiring dengan pembangunan fizikal dalam tamadun bangsa Melayu.

Proses asimilasi juga berlaku di dalam menerima pengaruh budaya asing ke dalam budaya Melayu. Proses penyesuaian ini turut mewarnai dan merancakkan lagi perkembangan tersebut. Budaya Melayu yang bersifat terbuka memberi peluang kepada budaya-budaya asing untuk mengambil tempat masing-masing tanpa menjaskankan akar umbi budaya Melayu itu sendiri. Jelasnya kemasukan unsur-unsur budaya asing ke dalam sesuatu bangsa adalah melalui dua cara iaitu berlaku secara difusi dan akulterasi.

Difusi bermaksud penyebaran atau peresapan sesuatu bentuk kebudayaan yang tertentu ke dalam kebudayaan yang lain di mana proses penyesuaian dan penerimaan adalah dengan kehendak masyarakat itu sendiri. Unsur budaya yang mendatang itu selalunya diselesaikan sehingga menjadi bentuk baru dalam kebudayaan bangsa itu. Perubahan yang berlaku membezakannya daripada budaya asal itu sendiri.

Proses akulterasi pula bermaksud penyerapan hasil proses difusi yang bergerak dari satu kebudayaan kepada kebudayaan lainnya. Oleh kerana bangsa Melayu telah sedia mempunyai dasar yang kukuh dalam kebudayaannya sendiri, maka sepanjang sejarah perkembangan kebudayaannya tidaklah berlaku proses akulterasi dalam kebudayaan Melayu. Apa yang berlaku hanyalah proses difusi sahaja. Sejak dahulu lagi hingga kini unsur-unsur asing yang terdapat di dalam kebudayaan Melayu adalah hasil daripada proses difusi.¹

3.2 Latar Belakang Sejarah

3.2.1 Peradaban Melayu Pra Islam

Para sarjana telah mengemukakan pelbagai teori tentang faktor-faktor yang bertanggungjawab terhadap kemasukan kebudayaan India di Asia Tenggara dan mengenai penerimaan penduduk Asia Tenggara dan penyesuaian yang dilakukan terhadap unsur-unsur peradaban India yang terpilih.²

Salah satu teori mengemukakan tentang wujudnya hubungan budaya antara India dengan Asia Tenggara sejak beberapa abad era Kristian lagi. Hubungan budaya ini dapat dikesan melalui hubungan perdagangan antara kedua-dua buah negara itu. Sebahagian unsur kebudayaan India berkemungkinan telah diterima oleh penduduk Asia Tenggara melalui perhubungan sosial dengan pedagang-pedagang India.³ Manakala teori lain pula menekankan tentang peranan yang dimainkan oleh pemerintah dan rahib-rahib India yang mengembara dan menubuhkan kerajaan seperti Kerajaan Funan. Berkemungkinan atas usaha merekaalah beberapa unsur kebudayaan India telah diperkenalkan dalam kehidupan sosial kerajaan tempatan.⁴

Adat resam dan kebudayaan orang Melayu yang wujud pada hari ini adalah hasil campuran unsur-unsur animisme, Hindu dan Islam. Ini kerana orang Melayu mengamalkan kebudayaan Hindu dan seterusnya menerima budaya Islam sejak tahun 1414.⁵

Sebelum kedatangan Islam, ajaran agama Hindu dan Buddha telah bertapak terlebih dahulu di Tanah Melayu. Ajaran agama Hindu dan Buddha pada amnya hanya mementingkan aspek-aspek upacara dan pendewaan kepada dewa-dewi demi kepentingan golongan masyarakat atasan sahaja. Masyarakat umum pada ketika itu lebih tertumpu kepada cabang kesenian daripada unsur falsafah, sesuai dengan tradisi tempatan. Manakala unsur-unsur kesusasteraan Melayu yang wujud pada masa tersebut tertumpu kepada golongan istana dan disampaikan dalam bentuk lisan sahaja. Namun begitu,

ajaran, kebudayaan dan falsafah agama Buddha bukanlah berdasarkan ilmu pengetahuan dan tidak bertujuan membentuk akal dan budi. Justeru ajarannya tidak meninggalkan kesan yang mendalam terhadap masyarakat.⁶

Pengaruh budaya Hindu sebenarnya berjalan sangat perlahan jika dibandingkan dengan jangkasama hubungan yang begitu lama antara penduduk tempatan dengan India. Ini adalah kerana penumpuan pengaruh budaya Hindu hanya tertumpu di pusat-pusat pelabuhan dan istana-istana sahaja.

Unsur-unsur budaya Hindu yang diterima dalam budaya Melayu adalah lebih bertujuan mengisi kekosongan dan memperbaiki unsur-unsur yang telah ada. Proses penyesuaian dilakukan dari masa ke semasa bagi menentukan unsur-unsur itu dapat menjadi sebahagian daripada keperluan harian.

Walaupun India muncul sebagai pusat peradaban yang tertua di rantau ini namun ia tidak dapat mempengaruhi keseluruhan cara hidup orang Melayu. Malahan bukanlah menjadi tujuan utama pedagang-pedagang India membawa pengaruh Hindu dan menerapkannya kepada keseluruhan cara hidup orang Melayu. Proses difusi budaya berlaku secara perlahan di kalangan golongan yang memerintah dan sebahagian daripada budaya itu mengalir pula kepada rakyat. Begitupun, beberapa aspek budaya Hindu yang mempengaruhi rakyat itu telah hilang sifat asalnya. Campur aduk dan penyesuaian dengan budaya tempatan melahirkan budaya baru yang sukar untuk dikategorikan sebagai Hindu atau India.⁷

Agama Hindu dan Buddha menghadapi perubahan yang radikal di alam Melayu. Walaupun kedua-dua agama ini bermusuhan di India, tetapi di alam Melayu, kedua-duanya bercantum menjadi satu iaitu Hindu-Buddha. Agama ini telah berkembang dengan agak pesat pada kurun keempat dan kelima masihi. Namun begitu ia tidak banyak membantu pemikiran Melayu. Malah konsep ketuhanan agama Hindu Viadaisme yang percaya kepada kekuasaan dewa-dewa atau Tuhan telah mengambil tempat dan mengisi ruang kepercayaan kepada penunggu atau kuasa ghaib yang dipercayai oleh orang Melayu.⁸

Terdapat juga teori yang mengetengahkan peranan golongan Brahma yang alim dan terpelajar dijemput oleh pemerintah negara-negara di Asia Tenggara untuk berkhidmat sebagai sami, petunjuk dan penyair di istana,⁹ selain dari penduduk tempatan sendiri yang menyebarkan unsur-unsur Hindu setelah melawat ke India.¹⁰ Berdasarkan teori-teori ini, G. Coedes meyatakan bahawa setiap teori mengandungi kebenaran, walaupun segalanya tidak dapat dijelaskan secara berasingan oleh mana-mana satu teori pun.¹¹

3.2.2 Peradaban Melayu Pasca Islam dan Pra Penjajahan

Hubungan perdagangan di antara Tanah Melayu dengan negara-negara luar telah wujud sebelum kedatangan Islam lagi. Hubungan penting dalam perdagangan bukan sahaja dipegang oleh negara-negara Arab, India, China, dan Parsi tetapi juga oleh bangsa

Nusantara sendiri. Hubungan dengan negara-negara luar ini terus berlangsung sehingga membawa¹² kepada kemasukan agama Islam.

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu di samping merubah akidah, hukum dan tata kehidupan bermasyarakat ia juga membawa bersamanya institusi lain seperti institusi pemerintahan dan pentadbiran yang berlandaskan Islam, undang-undang dan hukum kanun laut, institusi pengajian yang melahirkan ramai tokoh ulama berwibawa, yang memimpin masyarakat ke arah perubahan fikiran melalui pengajian dan karya yang dihasilkan. Bahkan pengaruhnya juga telah melampaui batas-batas cabang kesenian, sastera serta falsafah. Terdapat pelbagai perubahan dan difuisi positif hasil daripada penerimaan agama baru ini. Antaranya ialah :

a) **Akidah dan Pemikiran**

Orang Melayu sejak zaman primitif lagi telah mempunyai kepercayaan keagamaan sehingga kepada ketibaan agama Hindu-Buddha dan Islam khususnya yang melahirkan idea dan gagasan yang bersifat intelektual¹³. Pemikiran dan kepercayaan orang Melayu mengalami perubahan daripada kepercayaan animisme kepada kepercayaan tauhid walaupun bukanlah secara total. Di samping itu mereka juga cuba menyesuaikannya dengan budaya tempatan. Pemikiran tasawuf pula telah mengambil tempat sejak kedatangan Islam kerana ia mempunyai kesejarahan dan pandangan hidup di antara ajaran mistik atau sufi dengan realiti tempatan¹⁴. Kebanyakan pendakwahnya

adalah terdiri daripada ahli-ahlli sufi yang bersifat zuhud, amat sesuai dengan kehidupan orang Melayu yang sudah dipengaruhi oleh ajaran Hindu-Buddha.

Jelasnya dapatlah disimpulkan bahawa sebelum kebangkitan semula Islam, masyarakat Melayu tradisional mengalami tingkat perubahan di beberapa dasawarsa iaitu daripada zaman primitif, Hindu-Buddha kepada Islam yang telah berjaya membentuk satu aliran pemikiran atau cara hidup yang berorientasikan keagamaan¹⁵. Tetapi oleh kerana nilai keagamaan dan kerohanian yang lebih menonjol daripada nilai-nilai lain yang wujud dalam Islam di sesetengah kalangan masyarakat Muslim, maka jadilah Islam sebagai agama ibadah semata-mata. Demikianlah halnya dengan masyarakat Melayu tradisional yang mempunyai semangat dan cita-cita keagamaan yang begitu tinggi sejak zaman primitif hingga zaman Islam¹⁶

b) Unsur Kesenian Islam

Terdapat pelbagai cabang kesenian yang dibawa oleh Islam ke Tanah Melayu. Antaranya :

1. Tulisan (Khat)

Kedatangan Islam telah membawa bersamanya tulisan Arab. Melalui pengajian Al-Quran dan pengajian agama yang lain orang Melayu menggunakan tulisan Arab dengan sebutan sebagai tulisan Jawi dan beberapa huruf diberi tanda dengan fonim

Melayu seperti Ca, Ga, Nya, Nga selain sistem fonim. Gaya tulisan yang turut diperkenalkan seperti Tuluth, Diwani, Farisi, Kufti dan lain-lain juga berkembang dengan baik dan dikenali sebagai tulisan Khat¹⁷.

2. Seni Ukir (Hias)

Dalam seni ukir (hias) yang lebih dikenali sebagai seni Awan Larat di zaman permulaan dan perkembangan Islam merupakan kesinambungan daripada pengalaman dan bakat mereka yang telahpun wujud sebelumnya di dalam seni patung. Seterusnya bakat ini diteruskan dengan menghasilkan ukiran yang sesuai dengan ajaran Islam seperti ukiran yang bercorak flora dan disamarkan dengan ayat al-Quran. Ini dapat dilihat melalui penghasilan mimbar dan dinding-dinding masjid.

3. Seni muzik

Agama Islam juga membawa bersamanya seni muzik gembus dan kompong. Walaupun kedatangan muzik gembus agak lewat hadir ke alam Melayu, namun ia telah dipersatukan dengan seni Qasidah yang diperkenalkan sebelumnya. Seni kompong pula diperkenalkan lebih awal lagi iaitu sesudah Islam mulai bertapak buat pertama kalinya dan alat ini agak sesuai dengan alat muzik tradisi yang sedia ada di alam Melayu seperti rebana¹⁸.

4. Seni Drama

Menerusi seni drama, unsur-unsur Islam telah digunakan sepenuhnya untuk mengembangkan ajaran agama Islam. Perkembangan agama Islam pada akhir abad ke 19 dan permulaan abad ke 20 di Semenanjung Tanah Melayu telah membawa permainan Bangsawan ke Pulau Pinang yang diperkenalkan asalnya di Turki dan disambung pula oleh masyarakat Parsi. Akhirnya Bangsawan menjadi permainan yang popular di pulau tersebut, yang turut memainkan cerita-cerita berunsur Isam dan cerita tradisional Melayu.

5. Seni Suara

Seni suara merupakan satu seni yang sering dikaitkan dengan pengajian tajwid di dalam pembacaan al-Quran. Dalam sastera Melayu klasik banyak hikayat menyatakan bahawa putera raja diajar dengan tajwid. Di samping pengajian tajwid, seni nyanyian Qasidah yang memuji kebesaran Tuhan dan Rasul turut berkembang selain seni berzanji dalam upacara kelahiran Nabi Muhammad s.a.w.¹⁹

6. Seni Bina

Seni bina merupakan satu daripada usaha daya cipta seni rupa atau seni bentuk dalam Islam yang mencapai puncak kejayaan estetika yang paling tinggi. Reka bentuk seni bina Islam mempunyai sifat yang tersendiri, yang melambangkan imej kerohanian Islam melalui reka bentuk yang terang dan ruang yang mempunyai suasana tenteram.

Penggunaan ruang sangat penting dalam seni bina Islam kerana ia memberi cahaya kepada bentuk bahan dengan sinarannya. Konsep lengang dicipta bertujuan memotivasiakan kesedaran untuk beribadat. Manakala cahaya pula digunakan sebagai elemen penting supaya bangunan tidak menjadi rupa bentuk ‘berat’ di samping berpegang kepada konsep ‘Allah ialah cahaya segala langit dan bumi’. Seni bina Islam sangat terkenal dengan bentuk kubah dan menaranya sebagai satu elemen formal lambang masjid khususnya dan seni bina Islam amnya.

Di Malaysia terdapat dua jenis bangunan masjid. Pertama ialah bangunan yang mempunyai kubah dikatakan menerima pengaruh daripada India dan Parsi. Jenis kedua ialah yang tidak mempunyai kubah. Jenis ini lebih tua usianya dan mempunyai seni bina bumbung bertingkat yang tumbuh daripada unsur-unsur tempatan. Selain daripada masjid, bangunan-bangunan lain seperti makam-makam, bangunan kerajaan dan swasta dibentuk dengan sifat atau ciri-ciri seni bina Islam²⁰.

3.2.3 Peradaban Melayu Semasa Penjajahan

Kejatuhan Melaka pada tahun 1511 kepada kuasa Portugis bukanlah bererti kehancuran Islam seluruhnya di Tanah Melayu tetapi hanya merupakan pengakhiran satu period penting dalam proses Islamisasi di Semenanjung Malaysia khususnya dan di Nusantara umumnya. Namun begitu peranan dan sumbangan Melaka terhadap usaha-usaha pengIslamahan di negeri-negeri lainnya kekal sebagai pemangkin yang ampuh. Malahan dengan berakhirnya empayar Melaka sebagai platform penyebaran Islam,

peranan ini telah diambil alih oleh negara Islam lainnya seperti Aceh, Palembang dan Makasar di tengah-tengah gelombang kolonialisme dan imperialisme. Negeri-negeri ini juga meneruskan kesinambungan Melaka sebagai tempat melahirkan ulama' dan pengikut Islam. Kedatangan Portugis ke Melaka selain bertujuan penaklukan dan memperluaskan tanah jajahan, mereka juga bercita-cita untuk menghancurkan agama Islam dan melebarkan sayap agama Kristian.²¹

Penjajahan Eropah di Tanah Melayu bermula pada tahun 1511 iaitu ketika jatuhnya kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis dan Melaka dijajah oleh bangsa Eropah. Kejatuhan kerajaan Melayu Melaka juga disebabkan kelemahan tenteranya menepis serangan Portugis dengan bantuan peralatan canggih di samping tipisnya semangat jihad di kalangan orang Melayu dan raja-rajanya. Kedatangan Portugis seterusnya melemahkan dan membantutkan proses Islamisasi di negara ini.

Selain bertujuan menjajah, kedatangan bangsa asing adalah bertujuan mencari kekuasaan politik, ekonomi dan pengaruh di samping menyebarkan fahaman dan idea-idea Barat. Sewaktu penjajahan Portugis dan Belanda di Tanah Melayu, pengaruh mereka tidaklah begitu meluas, tetapi selepas kedatangan British, corak pentadbirannya telah membawa perubahan yang besar, campur tangan British bukan sahaja dalam soal-soal politik dan ekonomi tetapi turut berusaha untuk membantutkan perkembangan agama Islam dan kemajuan bangsa Melayu serta mengembangkan ajaran agama Kristian. Orang-orang Melayu yang tinggal di desa dengan kehidupan yang daif tidak diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak British. Malah pihak British berusaha untuk merampas kuasa

di tangan pembesar-pembesar Melayu di setiap negeri di Tanah Melayu, malah segala hasil negeri dikuasai dan dikawal oleh British.²²

Di dalam usaha memperkuatkan kedudukan British dan melemahkan orang-orang Melayu, bangsa-bangsa asing dibawa untuk berkerja di negara ini, khususnya dalam bidang ekonomi. Bangsa-bangsa asing diberi layanan istimewa dan diberi kemudahan yang secukupnya. Keadaan ini telah dinyatakan oleh J.A.E Morley, di dalam tulisannya :

"Let the Chinese and Arab still to the eastward. Without them, the trade would be reduced to less than one third of even what it is at present : but let their trade be regulated"²³

Menurut sumber ini, pedagang-pedagang asing juga diberi keistimewaan dengan memberikan pengecualian cukai. Di samping tujuan-tujuan ekonomi dan politik, pihak British juga berkeyakinan bahawa dengan kemasukan pelbagai bangsa asing ke negara ini dapat menimbulkan pelbagai masalah perkauman yang boleh mengakibatkan pecah belah di kalangan rakyat. Pihak British merasakan itulah masa yang paling sesuai untuk memainkan peranan mereka sebagai orang tengah bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Melalui cara inilah sahaja akan terlaksananya dasar pecah dan perintah yang sudah direncanakan oleh mereka sejak awal lagi.

Sikap pihak British yang sejak awal lagi tidak mempedulikan kehidupan orang-orang Melayu di desa sebaliknya hanya menggalakkan bangsa-bangsa asing sahaja

berkerja di sektor ekonomi menyebabkan orang-orang Melayu terus ketinggalan dari arus kemajuan dan pembangunan.

Kesan penjajahan British yang ketara di kalangan orang Melayu hanyalah fahaman kebendaan dan sekularisme. Raffles merupakan orang yang mempelopori sistem sekular di Tanah Melayu, kerana beliaulah yang mencadangkan supaya diasangkan pelajaran Bahasa Melayu daripada subjek agama. Pemisahan yang rasmi pula hanya berlaku selepas Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 yang menegaskan bahawa kesemua urusan pentadbiran hendaklah diserahkan kepada residen British, kecuali soal-soal agama dan adat istiadat Melayu diserahkan kepada raja-raja Melayu yang hanya menjadi boneka di dalam Majlis Negeri dan Majlis Agama. Majlis ini dikuasai oleh British sepenuhnya dan kuasa mentadbir diberikan kepada golongan sekular. Tegasnya, penubuhan Majlis Agama hanyalah sebagai pemangkin kepada cita-cita British dan kuasa yang diberikan kepada raja-raja hanyalah sebagai lambang semata-mata. Sistem sekular diperluaskan lagi setelah terbentuknya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Tidak Bersekutu.

Kerajaan British juga cuba mengetengahkan dan memberi tempat kepada golongan ulama yang berpandangan sempit terhadap agama sebagai satu cara untuk mempengaruhi dan melemahkan lagi rakyat. Manakala golongan ulama yang berpandangan jauh pula cuba menyedar dan menggembangkan masyarakat di dalam usaha memerangi fahaman sekularisme penjajah. Hasil daripada kesungguhan ini maka lahirlah majalah *al-Imam* di Singapura pada tahun 1906. Kerajaan British menamakan golongan reformis ini sebagai kaum Muda dan yang selainnya sebagai kaum Tua.²⁴

Kesedaran yang ditimbulkan oleh kaum Muda adalah hasil idea perjuangan reformis-reformis di Timur Tengah pada masa tersebut seperti Syeikh Muhammad Abduh, Rashid Ridha, Jamaluddin al-Afghani dan lain-lain.

Kaum Muda sebenarnya mendapat tentangan hebat di kalangan masyarakat yang menyebelahi pemikiran ulama tradisional dan membuat tohmahan bahawa kaum Muda hanya ingin memesongkan ajaran Islam. Kaum Muda juga ditentang oleh golongan elit yang majoritinya berpendidikan Barat. Malahan pemimpin dan raja-raja Melayu juga menyokong pendirian kaum Tua.

Situasi ini memberikan tamparan hebat kepada kaum Muda yang cuba menyedarkan masyarakat tentang bahayanya fahaman sekularisme sehingga menyebabkan terbantutnya kegiatan reformasi Islam sejak tahun 1930. Namun begitu, gerakan Islam dan semangat anti penjajah terus berkembang walaupun British telah campur tangan di dalam semua urusan pentadbiran sama ada dari segi politik, ekonomi, agama dan juga pendidikan. Akhirnya meletuslah beberapa siri pemberontakan di beberapa negeri di Tanah Melayu sebagai satu protes terhadap pemerintahan British. Hasil daripada kesedaran dan semangat kebangsaan serta keIslamam di kalangan orang Melayu maka lahirlah parti-parti politik seperti Hizbul Muslim, UMNO dan PAS pada pertengahan abad ke-20.²⁵

Walaupun parti-parti tersebut mempunyai perbezaan dari segi strategi dan taktik perjuangan, namun matlamat mereka adalah sama iaitu untuk membela kedaulatan agama

Islam dan bangsa Melayu. Usaha ini membawa hasil setelah pihak British memberikan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 melalui parti UMNO. Pihak British pula tidak begitu sukar memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu kerana mereka sedar bahawa golongan yang akan memerintah kelak telah terdidik dengan pendidikan Inggeris. Oleh itu dengan adanya pemimpin-pemimpin seperti ini, kepentingan ekonomi British dan juga fahaman sekularisme akan terus berkembang di negara ini.²⁶

3.2.4 Peradaban Melayu Selepas Penjajahan dan Kemerdekaan

Penubuhan sistem Raja Berperlembagaan selepas kemerdekaan amat penting kerana bagi tujuan penyatuan dan titik tolak kepada kejayaan bangsa Melayu. Walaupun sistem Raja Berperlembagaan ini sedikit sebanyak tidak menyenangkan raja-raja, tetapi melalui sistem inilah lebih banyak memberi keuntungan khususnya kepada rakyat dan negara. Sistem pemerintahan demokrasi yang diasaskan oleh British di negara ini masih mempunyai beberapa kecacatan yang perlu diperbaiki dari semasa ke semasa.

Keadaan kaum-kaum di negara ini pula terpisah di antara satu sama lain oleh batas-batas negeri dan kebudayaan. Demikian juga taburan penduduk antara kaum yang tidak seimbang di mana orang Cina lebih ramai di pantai barat dan di bandar-bandar besar serta hidup dalam kemewahan. Situasi polarisasi sebegini amat merugikan bangsa Melayu sendiri dari segi penyebaran agama Islam dan juga ekonomi kerana kurangnya interaksi dengan bangsa-bangsa asing, khususnya bangsa Cina yang lebih arif dalam kegiatan perekonomian. Akibatnya, jurang perbezaan antara kaum makin meruncing

sehingga menimbulkan perasaan tidak senang di antara kaum. Justeru, tercetuslah peristiwa 13 Mei 1969 sebagai bukti jurang perkauman yang diwarisi daripada pentadbiran penjajah.

Kesimpulannya, bolehlah dikatakan bahawa keperibadian dan jiwa orang Melayu adalah terbina atas dasar tekanan yang diterimanya sejak dahulu kala. Bermula daripada penjajahan zaman Hindu-Buddha pada abad pertama masihi lagi, kemudian diikuti oleh penjajahan Portugis, Belanda dan British. Setiap bangsa yang menjajah membawa pengaruh masing-masing. British telah membawa bangsa-bangsa asing ke negara ini serta memperkenalkan fahaman kapitalisme dan sekularisme di samping tidak menghiraukan kemajuan ekonomi orang Melayu yang majoritinya tinggal di desa. Sistem feudal juga diteruskan di zaman penjajahan British. Kesan-kesan semasa penjajahan British telah mempengaruhi kehidupan orang Melayu dan ianya terus kekal sehingga ke hari ini. Justeru, pembentukan sikap dan keperibadian orang Melayu adalah berlandaskan tekanan dan perasaan tidak puas hati. Begitupun, bangsa Melayu telah diberikan peluang untuk membebaskan diri daripada pengaruh Hindu-Buddha dan membela nasib mereka sendiri pada zaman kedatangan Islam ke rantau ini pada abad ke-12 hingga abad ke-15, tetapi peluang keemasan ini tidak digunakan sepenuhnya kerana beberapa sebab yang jelas.

Pertama, ajaran agama Islam yang diperkenalkan oleh golongan tasawwuf ketika itu bersifat '*rigid*' iaitu ajarannya hanyalah meliputi persoalan ibadah semata-mata. Kehadiran golongan ini dapat dikesan melalui penggunaan perkataan seperti *makhdum*, *faqir*, *sayid* dan lain-lain.²⁷ Justeru masyarakat Islam hanya terdedah kepada kegiatan-

kegiatan yang berbentuk ibadah dan kerohanian sahaja. Pandangan yang sempit sebegini sudah tentunya memberikan gambaran yang salah terhadap kesyumulan Islam. Golongan seperti ini sebenarnya sudah mempunyai gambaran yang tersendiri dalam kehidupan beragama dan cara hidup mereka telah dibentuk oleh disiplin yang mereka anuti. Golongan ini juga amnya bersikap lemah-lembut dan bertolak ansur serta bijak berbudi bahasa kepada sesiapa sahaja.²⁸

Ketidaktegasan golongan tasawwuf di dalam mendidik masyarakat Melayu menyebabkan mereka tidak begitu menentang adat-adat tradisi Melayu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Mungkin inilah pendekatan yang mereka gunakan untuk menarik minat lebih ramai bangsa Melayu memeluk agama Islam dalam tempoh yang singkat. Akibatnya, agama Islam telah berkembang dalam pengertian yang sempit sedangkan ilmu dan pemikiran Islam merangkumi aspek yang lebih luas seperti ekonomi, politik, sosial, pentadbiran, undang-undang dan lain-lain yang hanya terbatas kepada golongan tertentu sahaja. Aspek perekonomian Islam hanya diajar melalui kitab-kitab fekah tanpa dipraktikkan. Justeru, golongan tasawwuf kurang berjaya merubah pandangan dan cara hidup masyarakat Melayu tradisional kepada ajaran Islam sebenar yang bersifat kompleks. Penekanan golongan tasawwuf terhadap persoalan akhirat berbanding urusan duniawi menyebabkan aspek ekonomi diberi nilai yang tidak sewajarnya di dalam kehidupan orang Melayu.²⁹

Kedua, penguasaan penjajah yang bersikap seperti hamba dengan tuan juga memberikan impak yang besar terhadap pemikiran dan sikap orang Melayu. Hasil daripada sikap rendah diri dan berpada dengan apa yang ada dalam bidang ekonomi maka

struktur sosial juga terus kekal dalam bentuk feudal. Maka berlakulah sistem feudal di dalam masyarakat. Melalui istana, penjajah-penjajah Barat juga dapat menguasai Tanah Melayu sama ada melalui rundingan atau paksaan.

Tekanan dan kekecewaan dijajah oleh British di samping pemahaman agama yang sempit di kalangan orang Melayu menyebabkan mereka menolak sebarang bentuk kemodenan yang disifatkan sebagai usaha pembaratan dan pengKristianan. Sebahagian daripadanya pula terbawa-bawa dengan budaya Hindu dan cara hidup serta pemikiran Barat dalam tingkah laku dan sikap mereka.

Penjajahan yang berlaku telah membahagikan masyarakat Melayu kepada dua kelompok besar iaitu kelompok yang terus terikut-ikut dengan nilai hidup dan pemikiran Barat atau menjadi ekstrimis terhadap agama dan menolak sebarang bentuk kemodenan yang dibawa oleh Barat. Perbezaan antara dua golongan ini sering menimbulkan pertelaghanan pendapat dan ini tentunya menyumbang kepada perpecahan di kalangan orang Melayu, manakala minoriti kaum Muda gagal mempengaruhi mana-mana pihak, lantas mengenepikan golongan ini daripada kancah kemelut masyarakat hingga memaksa mereka menangguhkan cita-cita reformasi mereka.³⁰

Kesan penjajahan juga menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara sekular. Masyarakat Islam telah berpecah-belah berdasarkan fahaman politik masing-masing seperti yang telah diimpikan oleh Barat dalam modus operandi iaitu pecah dan perintah (divide and rules), justeru melemahkan ekonomi dan politik orang Melayu.

Tekanan dan ketaatan yang membabi buta turut memupuk perasaan rendah diri orang Melayu. Tegasnya, British telah berjaya di dalam rancangannya meruntuhkan ekonomi dan politik serta menanamkan fahaman sekularisme di kalangan orang Melayu di samping pemupukan sifat-sifat negatif di dalam diri orang Melayu.

3.3 Faktor Pembentukan Peradaban Melayu

3.3.1 Faktor Agama

Agama merupakan faktor terpenting di dalam melahir dan mengekalkan sesebuah tamadun. Ibn Khaldun berpendapat bahawa agama boleh membantu pembentukan sesebuah tamadun, sebaliknya kehancuran sesebuah tamadun akan berlaku kerana kekayaan dan kemewahan, semangat asabiyah dan golongan pemerintah leka serta berpuas hati dengan kemewahan yang mereka kecapi. Namun begitu fenomena ini dapat diselamatkan jika kehidupan pemerintahnya tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan beragama dan menjadikan agama sebagai salah satu peraturan yang penting.³¹

Arnold Toynbee juga sepakat dengan Ibn Khaldun mengenai faktor agama dalam memperkuatkan pembinaan tamadun manusia. Daripada hasil kajiannya, Toynbee memutuskan bahawa agama yang lahir daripada tamadun yang sudah lemah mempunyai peranan penting sebagai pemangkin kepada tamadun yang lemah itu. Malahan beliau menjelaskan bahawa melalui agama sesuatu tamadun itu boleh dipanjangkan hayatnya atau dipertahankan daripada keruntuhan.³²

Daripada kenyataan di atas, ternyata bahawa agama sebagai faktor pembina kelangsungan hayat sesebuah tamadun. Unsur budaya dan nilai daripada ajaran agama Islam dapat digunakan ke arah memacu masyarakat Melayu ke arah kemajuan material. Namun begitu, unsur yang sama juga perlu digunakan untuk mengimbangi antara kejayaan material serta kekuatan moral dan rohaniah kerana Islam harus digunakan untuk mencipta kejayaan hidup di dunia di samping membuat persediaan yang mencukupi untuk hidup di akhirat.³³ Justeru dengan ketinggian perletakan agama Islam di dalam peradaban Melayu-Islam serta penghayatan terhadap ajarannya oleh masyarakat Melayu Islam di Malaysia membolehkan pembinaan, pengekalan dan kelangsungan peradaban itu sehingga sekarang dan pada masa hadapan.

Kedatangan Islam telah mengubah pandangan dunia orang Melayu daripada mempercayai dewa-dewa seperti yang pernah mereka anuti pada zaman Hindu kepada mempercayai Tuhan Yang Maha Esa (Allah s.w.t.). Keimanan mereka turut diikuti dengan mempraktikkan amalan-amalan yang dituntut oleh Islam. Walaupun kepercayaan lama tidak dapat dihapuskan sepenuhnya, namun kebudayaan Islam telah berjaya mempengaruhi bentuk-bentuk kepercayaan Melayu lama. Misalnya, dalam jampi atau mentera mengalami penyerapan unsur-unsur Islam sebagai menggantikan fahaman ketuhanan animisme dan Hinduisme.

Walaupun unsur-unsur dewa masih diwarisi lagi dalam sastera dan tradisi lisan Melayu, namun fungsi mereka tidak lagi sebagai Tuhan, tetapi hanya sebagai makhluk-

makhluk alam ghaib seperti hantu dan jembalang yang masih mempengaruhi lagi pemikiran orang Melayu hingga dewasa ini. Bagi mengubah tradisi animisme dan Hinduisme, agama Islam telah memperkenalkan adat istiadat Islam untuk mengambil tempat adat dan tradisi lama yang telah mempengaruhi masyarakat Melayu. Adat istiadat ini dimulakan sejak individu itu lahir ke dunia hingga ke hari kematianya. Contohnya, pembacaan mentera yang biasa dilakukan sebelum sesuatu adat dimulakan telah digantikan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Surah al-Ikhlas dan diikuti dengan doa.³⁴

Sistem politik Melayu yang banyak dipengaruhi oleh kebudayaan Hindu juga telah mempraktikkan ajaran suci agama Islam bagi menggantikan sistem feudalisme Hindu. Ia telah diperkenalkan pada zaman kerajaan Abbasiyyah yang diperkembangkan di India di bawah pemerintahan Kesultanan Delhi. Namun begitu, sistem kesultanan yang diperkenalkan di Asia Barat itu sebenarnya tidak mengikut konsep khalifah yang bercorak demokrasi, sebaliknya sistem kesultanan itu seperti juga sistem kesultanan dalam pemerintahan Islam sebagaimana yang diamalkan di Melaka atau di Aceh adalah bercorak warisan.

Tamadun Islam telah memberikan corak keIslamkan kepada sistem kesultanan Melayu. Konsep Diraja telah diubah sifatnya daripada penjelmaan dewa kepada seorang pemimpin rakyat sahaja kerana sultan dalam pengertian Islam seharusnya menjalankan pemerintahan dengan adil dan bertimbang rasa kepada rakyat serta bertindak mengikut perintah Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.³⁵ Dalam undang-

undang Melaka dan Pahang ada ditegaskan bahawa para sultan adalah dianggap sebagai khalifah Allah s.w.t. walaupun dari segi amalannya terdapat raja-raja yang telah bertindak dengan sewenang-wenangnya dan melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan Islam.

Selepas kedatangan Islam, istana juga telah menjadi pusat pengembangan Islam. Sultan-sultan telah menjadi tempat tumpuan para ulama dan pujangga Islam disamping bertindak sebagai penasihat sultan. Ulama juga diperintahkan menulis kitab-kitab agama, undang-undang negeri dan buku-buku ilmu pengetahuan.³⁶

Sebelum kedatangan Islam, bahasa Melayu dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit dan Jawa Kuno. Menurut Winstedt, bahasa Melayu pada zaman Hindu ditulis dalam bahasa Kawi dan Nagari yang berasal dari Pallava, India.³⁷ Selepas kedatangan Islam, bahasa Arab mulai mengambil alih tempat bahasa Sanskrit sebagai bahasa utama di kalangan orang Melayu. Huruf Arab telah digunakan untuk penulisan bahasa Melayu yang dinamakan huruf Jawi, menggantikan huruf Kawi dan Nagari.

Pengaruh agama Islam telah membawa pinjaman perkataan Arab ke dalam bahasa Melayu dengan begitu meluas sekali sehingga meliputi hampir semua aspek dalam kehidupan orang Melayu. Tradisi penulisan ilmu-ilmu pengetahuan mula diperkenalkan dalam masyarakat Melayu khususnya tentang ilmu agama dan diikuti kemudiannya oleh penulisan hikayat-hikayat dan buku-buku mengenai ilmu pengetahuan seperti yang ditegaskan oleh S.M. Naguib al-Attas, bahawa bahasa Melayu bukan sahaja menjadi

bahasa pengantar dalam penulisan sastera epik dan roman, tetapi bahasa Melayu juga telah dijadikan sebagai bahasa pengantar dalam penulisan buku-buku tentang ilmu-ilmu falsafah.³⁸

Pengenalan ilmu pengetahuan yang bercorak falsafah turut membawa corak pemikiran Islam yang bersifat intelektual dan rasional ke dalam masyarakat Melayu. Kesannya, tamadun Islam telah mengubah kelaziman kebudayaan Melayu kepada pemikiran yang bercorak akliyah. Di samping itu, agama Islam juga menekankan unsur-unsur persamaan sosial, keadilan, individual, kemuliaan dan keperibadian insani. Justeru, Islam telah mengubah pandangan dunia yang bercorak mitologi dan fantasi kepada pemikiran yang bercorak intelektual yang berdasarkan ilmu falsafah Islam dan mistik yang rasional serta ilmiah. Tegasnya, Islam menekankan keseimbangan di antara aspek rohani dan jasmani untuk membangunkan masyarakat Melayu. Dorongan yang kuat terhadap ilmu pengetahuan menyebabkan tamadun Melayu mengembangkan tradisi pendidikan dan pengajaran sehingga melahirkan ramai cendikiawan dan ulama dalam masyarakat Melayu.

Ilmu pengetahuan dan proses keintelektualan juga berkembang selaras dengan kemajuan bahasa. Kesungguhan untuk mempelajari ilmu pengetahuan direalisasikan dengan penubuhan sekolah-sekolah seperti madrasah, pondok, pesantren dan lain-lain. Sistem pendidikan pada mulanya hanya berpusat di Istana Pasai pada abad ke 13 dan Istana Melaka pada abad ke 15 dan ke 16. Seterusnya sistem pendidikan berkembang di luar daripada tradisi tinggi yang berpusat di istana iaitu di kalangan rakyat jelata seperti

di Pulau Upih, Melaka, sistem pengajian pondok di Kelantan dan Kedah serta berbagai lagi. Melalui sistem ini jugalah melahirkan ramai para cendekiawan dan ulama, ahli fikir serta para pujangga yang akhirnya dapat menjana seluruh kegiatan kehidupan masyarakat Melayu itu sendiri.³⁹

Pengaruh agama Islam juga menyerap masuk ke dalam kesusasteraan Melayu dengan penghasilan pelbagai cerita termasuk kisah mengenai Nabi Muhammad s.a.w. yang dianggap sebagai hasil karya kesusasteraan yang paling tua usianya jika dibandingkan dengan karya kesusasteraan pengaruh Islam lain. Cerita tentang para sahabat nabi dan tokoh-tokoh Islam juga turut menjadi sumber inspirasi masyarakat Melayu bagi menentang musuh dari luar. Hikayat-hikayat bercorak Islam dalam kesusasteraan Melayu klasik diterjemahkan daripada sumber Islam yang asal. Sebagai contohnya ialah Hikayat Bayan Budiman. Sumber Parsi tentang hikayat Melayu disebut sebagai “Tutunameh” yang berasal daripada bahasa Sanskrit yang diterjemahkan ke dalam bahasa Parsi oleh Naksyabi pada tahun 1329.⁴⁰

Buku sejarah Melayu juga turut menerima tradisi penulisan Islam dari sudut gaya penulisannya dan persoalannya.⁴¹ ‘Tuhfat al-Nafis’ sebagai contohnya memakai judul di dalam bahasa Arab dan Hikayat Hang Tuah juga merupakan karya klasik yang dipengaruhi oleh Islam. Jelasnya, hampir semua usaha dalam histografi Melayu mengandungi unsur-unsur Islam samada dalam gaya ataupun persoalannya.

Pada zaman pra Islam, orang Melayu mempunyai bentuk puisi yang tersendiri dan berkembang melalui tradisi lain. Genre puisi Melayu yang paling utama berasal dari zaman pra Islam ialah pantun, seloka, gurindam dan perbilangan. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan berlakunya proses pembudayaan ini menyebabkan orang Melayu meminjam beberapa bentuk puisi dari Asia Barat. Bentuk baru puisi ini banyak memberi sumbangan dan memperkayakan kesusasteraan Melayu klasik, manakala bentuk puisi Melayu yang paling kerap diambil daripada sumber budaya Islam ialah syair. Winstedt dan Syed Naguib al-Attas berpendapat bahawa syair Melayu yang pertama dihasilkan ialah daripada Hamzah Fansuri (1550 – 1600) yang juga merupakan penulis prosa dan puisi Melayu yang pertama dalam bidang kesusasteraan sufi. Selain daripada itu, kesusasteraan Melayu klasik juga turut menerima bentuk puisi lain yang berasal daripada sumber orang Islam seperti Ghazal, Masnawi, Nazam, Ruba'i dan Kita'an.⁴²

Daripada keterangan di atas, jelaslah bahawa Islam telah memainkan peranan yang besar dalam mengubah kebudayaan Melayu. Pengaruh Islam berlaku dalam sebahagian besar aspek kehidupan orang Melayu. Apa yang diperkatakan di atas hanyalah merupakan sebahagian kecil daripada apa yang sebenarnya terjadi dalam kehidupan orang Melayu. Oleh yang demikian, benarlah pendapat Wertheim yang mengatakan bahawa agama Islam telah memainkan peranan yang penting bagi mencetuskan satu revolusi bagi memodenkan masyarakat Melayu tradisional.⁴³

3.3.2 Faktor Peribumi

a. Kepercayaan Animisme

Masyarakat Melayu pada zaman purbakala yang gagal memahami fenomena alam dan kejadian tabie memberikan tafsiran mengikut kemampuan fikiran mereka. Menurut J.G. Frazer, seorang ahli antropologi, menyatakan bahawa apabila manusia purba gagal menerangkan sebab dan akibat sesuatu kejadian, maka mereka mendakwa bahawa kejadian itu berpunca daripada kuasa sihir, tetapi apabila kuasa sihir tidak dapat ditanggapi, maka mereka beralih pula kepada kuasa makhluk halus yang dianggap mempunyai kuasa luar biasa dan mereka turut meyakini kewujudan roh (spirit) di dalam diri manusia atau apa yang diistilahkan oleh Taylor sebagai animisme.

Animisme merupakan satu kepercayaan yang terdapat di kalangan masyarakat yang masih mengamalkan cara hidup sederhana. Animisme seperti yang dimaksudkan oleh E.B. Taylor daripada perkataan Latin iaitu *anima* yang membawa pengertian kepercayaan kepada makhluk-makhluk halus (*spiritual beings*).⁴⁴ Menurutnya, kepercayaan kepada makhluk halus dan roh merupakan asas kepercayaan agama yang mula-mula tumbuh dalam alam pemikiran manusia primitif.⁴⁵ Kepercayaan animisme merupakan satu bentuk *cultural universal* yang wujud di kalangan suku-suku primitif. Ciri-ciri animisme juga tumbuh dan subur dalam tamadun Melayu meskipun gerakan modenisme dalam Islam memerangi kepercayaan lama ini yang dianggap sebagai khurafat dan tayyul.

Dalam kepercayaan masyarakat di Malaysia, terdapat beberapa pengertian yang sama dengan makna animisme, iaitu nyawa, kemudian dikenali juga sebagai roh iaitu istilah bahasa Arab yang dibawa oleh agama Islam. Dalam kepercayaan orang Melayu, nyawa wujud pada makhluk-makhluk yang hidup. Perkataan ini berasal daripada istilah Sanskrit yang biasa digunakan oleh orang Melayu dengan membawa pengertian ‘hidup’, dan sudah pasti nyawa tidak wujud pada benda-benda seperti batu dan pokok.⁴⁶ Orang Melayu dan kaum Asli di Malaysia mempercayai bahawa nyawa manusia yang telah mati itu akan menjelma menjadi hantu. Penyakit merupakan senjata bagi hantu-hantu yang dikatakan berasal daripada nyawa manusia yang telah mati. Hantu-hantu tersebut dikatakan bertanggungjawab membawa berbagai-bagai penyakit yang ditimpakan ke atas manusia.⁴⁷

b. Pemujaan Roh Datuk Nenek

Mengikut ahli antropologi, konsep roh dan hantu sukar dibezakan. Persamaan antara keduanya ialah nyawa orang yang telah mati dan keduanya ditakuti kerana boleh membawa kecelakaan. Namun begitu, sesetengahnya bertindak sebagai penolong kepada manusia dengan dilakukan upacara pemujaan. Terdapat perbezaan di antara arwah datuk nenek dan hantu. Datuk nenek mepunyai pertalian yang erat dengan keluarga atau sukunya. Kajian oleh ahli-ahli antropologi mendapati bahawa pemujaan terhadap arwah datuk nenek lahir daripada persaan takut yang berbeza sama sekali dengan perasaan takut kepada hantu kerana arwah mereka dikatakan bertindak sebagai penjaga bagi sesebuah

keluarga seperti mana yang dilakukan semasa hayatnya. Hubungan antara orang yang hidup dengan arwah datuk nenek akan menjadi genting apabila nama arwah datuk nenek itu tidak lagi dikenang atau dipuja.

Pemujaan terhadap roh-roh datuk nenek merupakan satu amalan di kalangan sebahagian daripada orang Melayu. Sajian diberi dari masa ke semasa dengan harapan roh-roh itu akan membawa kebaikan dan kemakmuran kepada keluarga. Jika sajian itu diabaikan, roh-roh itu akan datang mengganggu keluarga. Sajian atau korban yang diberikan kepada roh-roh biasanya terdiri daripada makanan yang dimakan oleh manusia seperti pulut kuning, bertih, pulut, ayam dan lain-lain lagi. Sajian itu juga dilakukan dalam bentuk menjamu jiran tetangga atau kenduri sebagai tanda sajian, dan sebahagian daripada makanan itu dikhaskan untuk roh-roh dengan meletakkannya di tempat-tempat tertentu untuk dimakan oleh roh-roh tersebut.

Manakala tempat-tempat yang kelazimannya menjadi tempat pemujaan roh ialah di atas tanah perkuburan si mati (datuk nenek), di bawah pokok yang besar, di gunung, di tengah-tengah lautan dan di tempat-tempat yang ngeri dan pada tiang rumah yang dianggap sebagai pusat bagi rumah tersebut. Sementara bagi upacara mengambil hati atau mengusir roh jahat, ianya dilakukan oleh pawang, iaitu orang yang berkemahiran dalam ilmu-ilmu ghaib. Perhubungan di antara pawang dengan roh-roh itu dilakukan melalui upacara menurun iaitu pawang berada di dalam keadaan tidak sedarkan diri. Kadang-kadang, roh itu akan menjelma di dalam diri pawang atau ahli keluarganya dan bertutur

menyampai hajatnya kepada ahli-ahli rumah atau orang perantaraan yang mengambil peranan sebagai tukang tanya.

Mengikut kepercayaan kepada roh datuk nenek ini, jika seseorang bermimpi datuk neneknya dalam keadaan lapar, maka ahli keluarganya akan mengadakan kenduri kerana dipercayai roh tersebut dalam keadaan lapar dan perlu diberi makan. Jika roh datuk nenek itu tidak dilayan, roh tersebut boleh menimbulkan kekacauan seperti merasuk anggota keluarga dan menjelma menjadi hantu serta membuat kekacauan terhadap manusia.⁴⁸

c. Hantu

Menurut kamus sosiologi, hantu adalah roh atau jiwa yang tidak berbadan atau makhluk halus yang berasal daripada orang yang telah mati. Hantu dianggap hidup di alam ghaib atau tinggal bersama manusia tanpa dilihat dengan mata kasar. Kepercayaan kepada hantu dikatakan lahir daripada keyakinan yang bercorak universal terhadap konsep *immortality* (roh manusia yang abadi).

Dalam kepercayaan orang Melayu, terdapat lebih 20 jenis hantu dan terdapat hantu yang boleh menolong tuannya melakukan apa sahaja suruhan tuannya itu. Pada umumnya suruhan tuannya itu adalah untuk melakukan kejahatan seperti hantu toyol yang disuruh mencuri barang kepunyaan orang lain atau pelesit yang dipelihara oleh wanita yang bermadu untuk mengganggu madunya atau orang lain. Hantu raya pula

dipelihara untuk menjaga harta tuannya dan membuat angkara terhadap orang lain. Pada umumnya, hantu dipercayai jahat dan boleh mengganggu manusia atau membawa penyakit.⁴⁹

d. Semangat

Di samping kepercayaan orang Melayu terhadap nyawa, terdapat satu lagi kepercayaan yang hampir sama iaitu kepercayaan kepada semangat. Berbeza dengan nyawa, semangat tidak berasal daripada roh manusia yang telah mati, tetapi adalah satu bentuk perbuatan ghaib yang tidak mempunyai peribadi, tetapi boleh membawa kesan yang penting dalam kehidupan manusia, malah semangat juga ditafsirkan sebagai serupa dengan nyawa.⁵⁰

Mengikut tradisi orang Melayu, semangat wujud pada benda dan manusia. Kewujudan semangat pada diri manusia banyak terletak pada anggota tubuh badannya. Menurut Winstedt, orang Melayu mempercayai semangat wujud pada uri, air ludah, keringat, potongan rambut, kuku, bayang-bayang, nama, bekas air mandi manusia dan binatang serta bekas tapak kaki pada tanah. Semangat juga dianggap wujud pada tumbuhan, manik, tanah, air, kayu, besi dan api.⁵¹

Menurut kepercayaan orang Melayu, kehilangan semangat pada diri seseorang atau sesuatu benda yang dimiliki oleh seseorang akan membawa kecelakaan kepada manusia dan benda tersebut. Oleh itu, untuk memulihkan semangat yang telah hilang, bomoh atau pawang akan dipanggil bagi melakukan upacara memulihkan kekuatan

semangat hingga ia kembali ke dalam diri atau benda yang berkenaan.⁵² Upacara memulihkan semangat perlu diadakan dari masa ke semasa atau pada waktu-waktu yang tertentu. Jika perkara ini tidak dilakukan, dikhuatiri semangat itu akan menghilangkan diri atau merajuk.⁵³

Dalam kepercayaan orang Melayu, terdapat dua jenis semangat iaitu semangat baik dan jahat. Semangat padi dikategorikan sebagai semangat yang baik kerana ia dapat membawa hasil yang banyak. Semangat nabi Yusuf a.s. juga turut dikategorikan sebagai semangat yang baik kerana menjadi pemanis dan cantik dipandang orang. Sementara itu, semangat yang jahat pula seringkali mengganggu manusia sehingga seseorang itu mendapat sakit.⁵⁴

e. Mana

Masyarakat primitif pada zaman purbakala meyakini kewujudan satu daya kekuatan yang tidak mempunyai peribadi. Kekuatan ghaib ini mempunyai persamaan dengan konsep Mana yang dimaksudkan oleh Codrington apabila beliau memperkatakan mengenai ciri-ciri kepercayaan suku Polinesia yang mendiami lautan teduh.⁵⁵ Menurut beliau, Mana mempunyai satu kekuatan ghaib yang dapat memberi kesan kepada setiap benda. Kekuatan ghaib yang terdapat pada Mana itu dapat mempengaruhi sesuatu dengan cara yang luar biasa. Contohnya, jika seseorang itu mendapat untung, keuntungan itu dipercayai diperolehi dengan sesuatu azimat yang mempunyai kekuatan ghaib (Mana).

Di dalam pemikiran Melayu, terdapat juga kepercayaan kepada sesuatu kekuatan yang ghaib. Kekuatan itu mempunyai sifat yang lebih hampir dengan konsep Mana dan dikenali sebagai sakti. Kepercayaan kepada kekuatan kesaktian ini merupakan kepercayaan yang lumrah dalam kesusasteraan Melayu lama seperti Hikayat Hang Tuah. Alat-alat simbol kedaulatan raja-raja Melayu juga dipercayai mempunyai kekuatan kesaktian (Mana) seperti keris Taming Sari yang dipuja pada tempoh tertentu dalam seminggu. Jika tidak dilakukan sedemikian, dipercayai akan mengganggu raja-raja menjalankan pemerintahan negeri. Barang-barang perhiasan lama seperti barang purba, tulisan dan gong juga dipercayai turut mempunyai kekuatan Mana. Manakala dalam masyarakat Melayu tradisional, golongan yang mempunyai Mana biasanya dapat menguasai atau memimpin masyarakat kerana dihormati atau ditakuti oleh rakyat biasa.

f. Binatang

Sehingga kini terdapat segolongan masyarakat Melayu yang masih mempercayai bahawa sesetengah binatang mempunyai Mana atau keramat. Contohnya buaya keramat, gajah keramat dan lain-lain. Binatang-binatang ini dipercayai mempunyai kuasa yang luar biasa dan harus dihormati serta dipuja. Pokok-pokok dan tumbuhan tertentu juga dipercayai mengandungi kekuatan Mana. Benda-benda yang dianggap mempunyai Mana adalah seperti tangkal yang digantung pada leher kanak-kanak untuk mengelak gangguan hantu. Seseorang yang memakai tangkal juga dipercayai tidak akan lut atau tercedera jika ditikam atau dipukul. Benda itu juga diletakkan pada pintu rumah untuk mengusir hantu

atau roh jahat daripada memasuki rumah. Air yang telah dijampi juga mempunyai kekuatan Mana untuk mengubati penyakit atau menolak bala.⁵⁶

3.3.3 Faktor Migrasi

Menurut Ali Shariati, teori migrasi boleh dikaitkan dengan kelahiran tamadun dan peradaban manusia. Idea untuk membentuk teori migrasi diperolehi daripada pengetahuan sejarah mengenai perkembangan sejarah masyarakat Islam pada zaman nabi Muhammad s.a.w. Menurut definisi sejarah Islam, migrasi atau hijrah ialah satu peristiwa perpindahan orang Islam dari Mekah ke negeri Habsyah dan ke Kota Madinah untuk menyelamatkan diri daripada siksaan kaum musyrikin Mekah yang memusuhi nabi Muhammad s.a.w. dan agama Islam.⁵⁷ Ali Shariati tidak menganggap bahawa fenomena hijrah ini sebagai satu peristiwa biasa tetapi peristiwa ini mempunyai prinsip dan falsafah sosial tertentu seperti yang telah digariskan oleh al-Quran. Hijrah dalam Islam juga merupakan manifestasi kesungguhan dan semangat jihad Nabi muhammad s.a.w. serta umat Islam dalam menyebarkan risalah Allah di samping meninggikan syiar Islam. Ringkasnya, hijrah ataupun migrasi merupakan salah satu faktor penyumbang ke arah melahir dan mengekalkan peradaban yang unggul.

Terdapat banyak tamadun yang lahir hasil daripada teori migrasi. Contohnya, kerajaan Melayu Champa di Vietnam yang wujud di awal kurun Masihi hingga abad ke lapan belas adalah hasil daripada penghijrahan rumpun Melayu dari kawasan dunia Melayu. Perkembangan Islam di Afrika Selatan pula adalah hasil penghijrahan rumpun

Melayu dari Alam Melayu ke sana mulai abad ke 17 lagi sebagai hamba dan buangan politik. Penjajah Belanda dan kewujudan kerajaan Melayu Melaka sendiri adalah hasil perpindahan kelompok kecil manusia dari Sumatrera ke Temasik dan akhirnya membuka Melaka sebagai sebuah negeri dan pelabuhan perdagangan.⁵⁸

Mengikut konteks sejarah, manusia sejak zaman purbakala lagi mempunyai keinginan untuk menjelajah. Pada zaman pra sejarah, manusia mencari kawasan baru apabila mereka menghadapi kekurangan bahan makanan, ketika berlaku perubahan cuaca dan diancam oleh kumpulan lain. Serentak perubahan masa, banyak bahagian dunia telah diduduki oleh penduduk melalui proses migrasi.⁵⁹ Oleh itu, penghijrahan atau perpindahan pada masa tersebut hanyalah untuk memenuhi keperluan dan desakan kehidupan. Kegiatan ini bertukar menjadi pendorong yang kuat kemudiannya untuk mereka menakluk, berdagang dan mengembangkan agama.

Motif utama yang mendorong manusia untuk mengkaji persekitaran ialah perasaan ingin tahu, faktor perdagangan, mengembangkan agama, keselamatan dan kuasa politik. Faktor-faktor ini sentiasa berubah mengikut waktu dan negara yang berlainan. Contohnya, orang-orang China telah belayar ke pulau-pulau di Asia Tenggara dengan tujuan perdagangan. Manakala tentera Rom pula telah menghantar peneroka dan pelukis peta lebih awal dari mereka bagi menakluk Eropah, timur Mediterranean dan Afrika Utara. Mereka juga berdagang dengan India dan China. Orang Mesir pula merupakan bangsa pertama di dunia yang telah memulakan pelayaran ke seberang laut. Firaun Snefru melalui pelayaran pertamanya membawa 40 buah kapal dari Byblos ke Phoenicia sekitar

tahun 3200 S.M. Ahli-ahli arkeologi Mesir juga telah menemui rekod-rekod tentang Hannu, individu yang telah mengetuai ekspedisi dari Mesir ke kawasan-kawasan selatan Semenanjung Arab dan Laut Merah. Ini merupakan ekspedisi pertama yang direkodkan sekitar tahun 2750 S.M. Malah terdapat juga sumber yang belum terbukti kesahihannya menyatakan pelayaran pertama orang Mesir bermula pada tahun 1493 S.M. yang dikendalikan oleh Permaisuri Hatshepsut yang memerintah Mesir dari tahun 1503–1480 S.M.⁶⁰

Masyarakat Melayu juga sememangnya mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang pelayaran sejak zaman awal Masihi lagi. Kemahiran dalam pelayaran membantu mereka bergerak secara aktif dalam bidang perdagangan di kawasan perairan Nusantara. Kebolehan mereka menghasilkan alat-alat pelayaran amat mengagumkan seiring dengan pengalaman yang ditimba. Malahan terdapat rekod-rekod China dan laporan pengembala Barat menunjukkan bahawa kapal-kapal Melayu dan Jawa menjalankan kegiatan perdagangan sehingga ke Afrika Timur, Madagascar, Aden dan China. Ini jelas membuktikan bahawa orang-orang Melayu adalah pelayar dan pedagang yang terkenal.

Sememangnya mengembala atau merantau sudah menjadi satu tradisi bagi masyarakat Melayu. Sebelum kedatangan Islam lagi, orang Melayu telah mengembala untuk mencari ilmu khususnya ilmu bagi mempertahankan diri. Dalam situasi ini sudah menjadi satu kelaziman bagi pemuda-pemuda dan pahlawan merantau ke kawasan jauh dari kampung halaman mereka. Tetapi selepas kedatangan Islam, arah aliran pengajian lebih cenderung kepada mendalami ilmu-ilmu Islam. Justeru, kegiatan merantau untuk

menuntut ilmu pengetahuan berkembang selaras dengan tuntutan agama Islam yang mewajibkan umatnya menuntut dan mandalami ilmu pengetahuan. Oleh itu, ramai orang Melayu telah belseyar ke Timur Tengah untuk menuaikan haji di Mekah dan mendalami pengajian ilmu-ilmu Islam di sana. Malahan kajian Hurgronje mendapati terdapat perkampungan orang-orang Melayu telah bertapak di Mekah sejak abad ke 18 masih lagi. Ramai anak Melayu yang pulang daripada Timur Tengah bergiat sebagai ulama dan pendidik serta menubuhkan institusi-institusi pendidikan Islam.⁶¹

Proses integrasi di kalangan orang Melayu dengan bangsa-bangsa asing mula terjalin melalui perdagangan. Hasil daripada kegiatan ini jugalah agama Islam dapat disebarluaskan, sehingga mewujudkan satu proses yang saling melengkapi dan mempengaruhi antara satu sama lain, yang akhirnya membentuk satu budaya baru bagi mengisi keperluan dan kekosongan budaya yang sedia ada, kemudiannya membentuk ruang yang tersendiri dalam kehidupan masyarakat setelah diterima sebagai sebahagian daripada kebudayaan mereka. Jelaslah bahawa integrasi lebih merupakan penerapan ciri-ciri asing kepada sesuatu budaya sehingga ciri-ciri itu dapat disebatikan dengan budaya yang menerima. Sebagai contohnya, budaya Melayu pada hari ini sudah mula mengintegrasikan ciri-ciri yang dipelajari daripada peradaban barat yang berlandaskan sains dan teknologi kerana kepercayaan kepada Allah s.w.t. merupakan landasan bagi nilai sosial dan susila hidup. Malah sains dan teknologi turut dibendung oleh hukum-hukum alam yang merupakan ciptaan Allah s.w.t. Yang Maha Esa.

Ciri-ciri sains dan teknologi merupakan satu proses integrasi yang berhasil kerana kesannya boleh diukur daripada jumlah bilangan anak Melayu yang menjadi jurutera, doktor, ahli sains dan sebagainya. Terdapat satu konsep dan ciri integrasi yang jelas di dalam budaya Melayu iaitu ‘*selective*’, iaitu sebarang bentuk kebudayaan yang didapati tidak sesuai akan ditolak. Selain daripada itu, budaya Melayu menolak ciri-ciri daripada peradaban Barat yang tidak sesuai dengan ajaran agama Islam seperti percampuran antara lelaki dan perempuan yang bebas, amalan riba dalam sistem ekonomi dan sebagainya.

Kesimpulannya, proses migrasi dan integrasi dalam budaya Melayu mampu memperbaiki kelemahan-kelemahan dan mengisi kekosongan budaya Melayu hasil proses asimilasinya dengan budaya asing. Oleh hal demikian, budaya tersebut berfungsi untuk memajukan masyarakat Melayu seluruhnya berdasarkan ketinggian peradaban yang dimilikinya. Malahan sifat keterbukaan peradaban Melayu di samping kejelasan pendirian memberikannya ruang untuk berinteraksi dengan peradaban-peradaban lainnya dalam blok-blok yang telah disempadaninya sejak awal lagi. Ini tentunya banyak memberi kelebihan kepada peradaban Melayu untuk tidak menerima pengaruh budaya asing sepenuhnya.

3.4 Undang-Undang Melayu Lama

Undang-undang Melayu Lama merupakan satu peraturan dan adat istiadat yang diperturunkan daripada generasi yang lampau untuk menjaga keselamatan negeri dan menjamin kedudukan raja-raja. Undang-undang Melayu Lama ini berasal daripada

peraturan yang tidak ditulis tetapi kemudiannya telah dicatatkan. Undang-undang Melayu Lama juga berperanan untuk menjaga keselamatan dan ketertiban dalam masyarakat Melayu tradisional. Jelasnya, undang-undang ini menggambarkan corak dan daya pemikiran orang Melayu pada zaman lampau. Undang-undang Melaka merupakan undang-undang yang pertama digubal dan menjadi teras kepada sejarah perundangan Melayu. Ini turut ditegaskan oleh R.O. Winstedt dan Werndly sejak tahun 1735 lagi bahawa undang-undang Melaka telah menjadi undang-undang yang pertama dan asas kepada undang-undang selepasnya.

Sebelum kedatangan Islam, undang-undang Adat telah digunakan dengan meluasnya tetapi setelah kedatangan Islam, undang-undang Adat tersebut telah diubahsuai supaya tidak bertentangan dengan undang-undang Islam. Sungguhpun adat tidak menjadi salah satu sumber undang-undang Islam, Islam tetap membolehkan adat diterima dan diikuti oleh penganut-penganut agama Islam selagi adat itu tidak bercanggah dengan undang-undang Islam. Oleh itu, mana-mana adat yang dianggap baik, bermanfaat dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam boleh diterima dan dijadikan amalan oleh orang-orang Islam. Melalui cara ini adat dapat diserapkan ke dalam undang-undang Islam.⁶² Walaupun mengambil masa yang lama dan proses yang panjang, perkembangan undang-undang Islam masih terus berjalan apabila pengaruh British mulai masuk ke negeri-negeri di Malaysia. Proses penyesuaian agama dan adat telah terganggu dan terbantut oleh pengaruh British seperti yang telah dinyatakan oleh R.J. Wilkinson.

Penyusunan hukum Islam dalam adat Melayu berjalan dengan sangat halus dan licin. Pada mulanya hukum Islam digunakan semata-mata bagi soal-soal keagamaan, tetapi undang-undang Islam kemudiannya menular sedikit demi sedikit ke dalam undang-undang Melayu seperti dalam aspek jenayah, perkahwinan, perceraian, pembahagian harta dan pewarisan. Malah terdapat pepatah di dalam adat perpatih yang mengungkapkan perihal saling pergantungan di antara adat dan hukum Islam sebagaimana yang berikut :

Adat bersendikan hukum

Hukum bersendikan Kitabul Allah

Kuat adat tak gaduh hukum

Kuat hukum tak gaduh adat

Ibu hukum muafakat

Ibu adat muafakat

Daripada ungkapan di atas jelas menunjukkan bahawa adat dan syarak saling memperkuat dan melengkapkan antara satu sama lain di samping turut berlakunya penyesuaian yang bertimbang-balik. R.O. Winstedt telah membahagikan kumpulan undang-undang Melayu kepada 3 jenis. Ia terdiri daripada undang-undang Minangkabau, undang-undang Melaka dan undang-undang Islam. Di antara tiga jenis undang-undang ini, ternyata bahawa undang-undang Melaka mempunyai pengaruh yang kuat. Ia telah

dikumpulkan pada mulanya di Melaka dan kemudiannya telah diubahsuai dan digunakan di Kedah, Pahang, Johor, Riau, Pontianak dan Brunei. Ia kemudiannya telah dinamakan undang-undang Johor, undang-undang Pahang, undang-undang Kedah dan lain-lain lagi.

Undang-undang Melaka telah dikumpulkan pada zaman Sultan Muhammad Shah (1424–1444) dan dilengkapkan pada zaman Sultan Muzaffar Shah (1445–1458). Bahagian undang-undang Islam telah dimasukkan kemudiannya secara beransur-ansur manakala undang-undang negeri mula dimasukkan pada awal kurun ke 16 Masihi dan undang-undang Johor mula disadurkan pada zaman Sultan Mahmud Shah (1761–1821).

Undang-undang Melaka terbahagi kepada dua bahagian iaitu undang-undang negeri atau darat dan undang-undang laut. Undang-undang negeri atau darat atau dikenali juga sebagai undang-undang kerajaan ialah mengenai hal ehwal yang berlaku di darat, sungai, dusun dan di seluruh jajahan takluk negeri Melaka. Di samping itu, undang-undang ini turut menerangkan mengenai tanggungjawab dan bidang kuasa besar, hukuman bagi kesalahan–kesalahan awam dan jenayah. Manakala undang-undang laut pula secara keseluruhannya menerangkan mengenai peraturan dan undang-undang laut secara lengkap.⁶³

Undang-undang Melaka ini menggambarkan corak dan perkembangan yang dialami oleh masyarakat Melayu lama yang menyentuh susun lapis masyarakat, kepercayaan yang dianuti, penggunaan bahasa, adat istiadat dan nilai masyarakat Melayu pada masa yang lalu. Undang-undang Melaka bukan sahaja menggambarkan peraturan-

peraturan yang telah digubal, tetapi juga memberi gambaran tentang corak budaya masyarakat Melayu serta pengaruh kebudayaan Hindu dan Islam. Pada umumnya isi perundangan ini menyentuh peraturan-peraturan berkaitan dengan istana, pantang larang yang dikenakan terhadap masyarakat, hukum jenayah dan awam, sistem protokol, undang-undang berhubung soal milik tanah dan peraturan-peraturan berkaitan pertanian. Oleh sebab susun lapis masyarakat Melaka terbahagi kepada tingkatan-tingkatan yang tertentu seperti dalam susunan masyarakat feudal di Eropah, maka golongan atasan sering mendapat faedah dan keistimewaan yang tertentu. Hukuman yang dikenakan ke atas mereka juga dikurangkan mengikut kedudukan mereka di dalam kerajaan.⁶⁴

Menyentuh mengenai undang-undang keluarga, undang-undang Melaka didapati mengambil terus daripada undang-undang Islam di mana terdapat 18 fasal undang-undang Melaka yang diambil daripada undang-undang Islam. Misalnya dalam fasal 5 : 1 disebutkan bahawa hukuman bunuh dibalas dengan bunuh iaitu sama seperti apa yang disebut di dalam hukum Islam. Sementara di dalam hukuman jenayah pula seperti hukuman membunuh, potong tangan atau kaki dan lain-lain, sering berlaku penyesuaian antara hukum adat dengan hukum Islam. Hakim diberi kuasa untuk menentukan sama ada memilih hukum adat atau hukum Islam. Misalnya bagi kesalahan mencuri, hakim berkuasa menentukan sama ada menjatuhkan hukuman potong tangan menurut hukum Islam atau hukuman denda sahaja menurut hukum adat.

Bentuk undang-undang Melaka ini bercampur aduk di antara satu dengan yang lain. Tidak ada sebarang usaha untuk memisahkan antara undang-undang yang bercorak

perlembagaan negeri dengan undang-undang jenayah dan awam. Misalnya, dalam satu fasal tidak hanya mengandungi satu perkara sahaja, tetapi dua atau tiga perkara yang tidak berhubungan di antara satu sama lain. Jelasnya, undang-undang Melaka ini menggambarkan peraturan corak hidup yang diamalkan dalam masyarakat Melayu ketika itu.⁶⁵

Undang-undang negeri Pahang, Kedah, Perak dan Johor yang digubal selepas undang-undang Melaka menjadikannya sebagai sumber utama rujukan. Penekanan juga lebih diberikan terhadap undang-undang Islam kerana pada masa tersebut undang-undang Islam sudah bertapak dengan kukuh di Tanah Melayu.

Jelasnya, undang-undang Melayu Lama telah digubal atas perintah raja-raja yang memerintah negeri Melayu. Undang-undang ini berasal daripada adat dan kebiasaan orang Melayu yang telah diamalkan sejak zaman silam. Apabila agama Hindu tersebar di Alam Melayu, undang-undang Melayu turut menerima pengaruh daripada kebudayaan Hindu.

3.5 Rumusan

Peradaban Melayu merupakan hasil adunan dan campuran daripada peradaban Hindu-Buddha dan Islam, selain unsur-unsur pribumi yang melatarbelakanginya. Namun begitu, pada asasnya, peradaban Melayu sudahpun mempunyai bentuk dan prinsipnya yang tersendiri. Oleh itu, penyerapan peradaban Hindu-Buddha tidaklah sampai mendasari

atau menunjangnya kerana peradaban Melayu sememangnya bersikap selektif terhadap unsur-unsur luaran.

Sebaliknya kedatangan agama Islam pula yang bersifat ilmiah mampu menyerapi peradaban Melayu dengan lebih mudah dan berkesan. Kekuatan agama Islam yang bersumberkan dalil nakli dan akli serta bertoleransi terhadap fitrah semulajadi manusia merupakan tarikan paling utama ke arah memahami agama Islam sebagai tunjang segala ilmu pengetahuan. Ia menjadi penyelamat akidah generasi terkemudian serta bertindak sebagai pemangkin kepada peningkatan kualiti hidup umat Islam di Malaysia seluruhnya. Namun begitu, walaupun peradaban Melayu menerima pengaruh daripada agama Islam, ianya bukanlah menjadi kayu pengukur yang mutlak bahawa peradaban tersebut mempraktikkan kesemua tuntutan agama Islam yang suci.

NOTA HUJUNG

¹ Wan Abdul Kadir Yusoff, *Tradisi dan Perubahan Budaya Melayu*, Petaling Jaya : Masfami Enterprise, 1993

² G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, (Diterjemahkan oleh Susan Brown Cowing). Kuala Lumpur : University of Malaya Press, 1968, hlm. 19 – 27

³ C.C. Berg, *Hoofdlijnen den Javaansche Litteratuur – geschiedenis*. Groningen. J.B. Wolters, 1929, hlm. 12

⁴ N.J. Krom. *Hindeo – Javaansche Geschiedenis. S – Gravenhage* : J.B. Wolters, 1931, hlm. 12

⁵ Siti Ramzah Hj. Idris dan Fatimah Azzahra, *Orang Melayu*, Petaling Jaya, Penerbit Pinang, hlm. 1

⁶ Mahayudin Haji Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 192

⁷ Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, *Analisis Sejarah Budaya-budaya Melayu*, Petaling Jaya, Masfani Enterprise, 1993, hlm. 32 & 33

⁸ Ismail Hamid, *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, 53 & 54

⁹ J.C. Van Lear. *Indonesian Trade and Society : Essays in Social and Economic History* (diterjemahkan oleh J.S. Holmes dan A. Van Marle). The Hague : W. Van Hoeve, 1955, hlm. 23

¹⁰ F.D.K. Bosch. *The Problem of Hindu Colonisation of Indonesia*, Selected Studies in Indonesian Archeology. The Hague : M. Nijhoff, hlm. 4

¹¹ G. Coedes. *The Making of Southeast Asia*. (Diterjemahkan oleh H.M. Wright). London : Routledge and Kegan Paul, hlm. 51

¹² Op.cit, Mahayuddin Haji Yahaya, hlm. 60

¹³ Ibid., hlm. 107

¹⁴ Abdul Fatah Ibrahim, *Kefahaman Subud di Kelantan dan Hubungannya dengan Aqidah dalam Islam (Risalah)*, hlm.21

¹⁵ Op.cit., Mahayuddin Haji Yahaya, hlm. 122

¹⁶ Ibid., hlm.123

¹⁷ Ibid., hlm. 77

¹⁸ Ibid., hlm.84

¹⁹ Ibid., hlm.84

²⁰ Ibid., hlm.86

²¹ Mohamad Abu Bakar, *Islam dan Pembinaan Tamadun di Malaysia*. dlm. *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000, hlm. 18

²² Ibid, hlm. 194

²³ Morley, J.A. E. , *The Arabs and the Eastern Trade* . dlm . *Journal of Royal Asiatic Society*, 1949, Jil : XXII, hlm. 163

²⁴ Ibid., hlm. 197

²⁵ Ibid., hlm. 198

²⁶ Ibid., hlm. 195 – 197

²⁷ John, A.H. , *Sufism as a Category in Indonesian Literature and History*. dlm . *Journal of South East Asian History*, 1963, 2, n0. 2 Julai, hlm. 14

²⁸ Ibid., hlm. 204

²⁹ Ibid., hlm. 204

³⁰ Ibid, hlm. 204

³¹ Ibn Khaldun, (Terjemahan). *Mukaddimah*. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, 1995, hlm. 146

³² Toynbee, Arnold J. *A Study of History*, London : Oxford University, Press, 1946.

³³ Ibid., hlm. 87

³⁴ H.M. Sidin, *Asal-usul Adat Resam Melayu*, Kuala Lumpur : Pustaka Aman, hlm. 91

³⁵ Ismail Hamid, *Peradaban Melayu dan Islam*, Petaling Jaya : Fajar Bakti, hlm. 54

³⁶ J.M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera, Tanah Melayu Barat*, hlm. 58 – 59

³⁷ R.O. Winstedt, *The Malay, A Cultural History*, hlm. 139

³⁸ S. M. Naguib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah*, hlm. 20

³⁹ M. Uthman El-Muhammady, *Peranan Intelektual Islam di Malaysia* dlm *Pembentukan Kebudayaan* dlm *Dewan Bahasa*, Oktober 1973, Bil 10, hlm. 438

⁴⁰ Santoso, *Islamization of Indonesian / Malay Literature in Its Early Period*, JOSA, 1971, hlm. 16

⁴¹ R.O. Winstedt, *History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1972, hlm. 114

⁴² S. T. Alishahbana, *Puisi Melayu Lama*, Petaling Jaya, Taman Baru Ltd, 1971, hlm. 177

⁴³ W. F. Wertheim, *Indonesian Society in Transition*, The Hague : Van hoeve, 1959, hlm. 204

⁴⁴ W. A. Lessa dan E.Z. Vogt, *Reader in Comparative Religion, An Anthropological Approach*, New York : Harper & Row, 1965, hlm. 10

⁴⁵ E.E. Evans – Pritchard, *Theories of Primitives Religion*, Oxford : The Clarendon Press, 1965, hlm. 24 – 25

⁴⁶ Mohd. Taib Osman, *Indigenous, Hindu and Islamic Elements in Malay Folk Beliefs*, Ann Arbor : Univ. Microfilm. Inc, 1967

⁴⁷ R.J. Wilkinson, "Malay Belief". dlm . *Journal of Royal Asiatic Society, Malayan Branch XXX*, 1957, hlm. 12 – 13

⁴⁸ W.W. Skeat, *Malay Magic*, New York : Dover Publication, 1967, hlm. 101 – 104

⁴⁹ Ibid, hlm. 104

⁵⁰ Op – cit., Mohd Taib Osman, hlm. 122

⁵¹ Op – cit, R.O. Winstedt, hlm. 19

⁵² Op – cit, Mohd Taib Osman, hlm. 23

⁵³ Ibid, hlm. 123

⁵⁴ Ibid, hlm. 123 & 124

⁵⁵ G. Duncan Mitcheal (ed), *A Dictionary of Sociology*, London : Routhledge & Kegan, hlm. 7

⁵⁶ P.E. de Joselin de Jong, *Agama-agama di Gugusan Pulau-pulau Melayu*, Kuala Lumpur : Oxoed University Press, 1965, hlm. 5

⁵⁷ Op – cit, Wan Hashim Wan Teh, hlm. : 85

⁵⁸ Ibid, hlm. 86

⁵⁹ *Oxford Illustrated Encyclopedia*, 1988, Vol. 1.3, hlm. 150

⁶⁰ Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan, *Tamadun Dunia*, Shah Alam : Fajar Bakti, 1999, hlm. 474

⁶¹ Ibid, hlm. 482

⁶² Al-Suyuti, *al-Ashbah Wa an-Naza'ir fi al-Nahwu*, Beirut : Dar al-Kitab al-Arabi, 1984

⁶³ Ismail Hamid, *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 130 – 131

⁶⁴ Ibid, hlm. 130

⁶⁵ Ibid, hlm. 131